

05 MAY 1996

Mahathir-Razaleigh

PERTEMUAN LANJUT PM, KU LI BOLEH DIADAKAN

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Tengku Razaleigh Hamzah boleh mengadakan pertemuan dengan beliau lagi sekiranya Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu berhasrat berbuat demikian.

"Nak jumpa, jumpalah," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno kepada pemberita di sini selepas menyampaikan sijil penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam menjayakan acara lumba basikal Le Tour de Langkawi 1996.

Laporan akhbar hari ini memetik kenyataan Tengku Razaleigh bahawa beliau berhasrat mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir lagi sebagai lanjutan kepada perbincangan mereka baru-baru ini.

Tengku Razaleigh berkata beliau telah memberitahu Dr Mahathir mengenai hasratnya itu dan sedang menunggu jawapan Perdana Menteri.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata perlumbaan Le Tour de Langkawi tahun depan akan diperluaskan bagi meliputi Sabah dan Sarawak.

"Ini bagi menjadikannya satu acara yang betul-betul mencerminkan ciri-ciri Malaysia," katanya.

Kerajaan juga bersetuju cadangan supaya perlumbaan itu dijadikan acara tahunan, kata beliau.

Dr Mahathir berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan semua pihak terbabit dalam perlumbaan yang boleh meletakkan Malaysia sebagai negara yang mampu menganjurkan perlumbaan basikal bertaraf antarabangsa.

Bagaimanapun Dr Mahathir mengingatkan bahawa acara itu bukanlah satu usaha semata-mata untuk mendapatkan keuntungan.

"Sumbangan syarikat-syarikat diperlukan kerana perbelanjaannya tinggi terutama sekali bagi menyediakan hadiah-hadiah lumayan untuk menarik peserta antarabangsa," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menyampaikan cek bernilai RM100,000 kepada Persekutuan Kebangsaan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia (PKLBM) dan RM25,000 kepada Tabung Polis Semenanjung, bagi pihak penganjur acara itu, First Cartel (M) Sdn Bhd.

Pengarah Operasi First Cartel, Izmee Anwar Datuk Ismail berkata perlumbaan tahun depan akan memberikan tumpuan kepada jalan-jalan berbukit yang lebih mencabar.

Sementara itu, Presiden PKLBM Haji Abu Samah Wahab berkata sumbangan yang diterima hari ini akan digunakan bagi membiayai kursus-kursus mengenai lumba basikal dan menghantar pasukan lumba basikal untuk mengikuti latihan dan kejohanan di luar negara.

Sebanyak 120 sijil penghargaan diberikan kepada mereka yang telah menjayakan Le Tour de Langkawi 1996 termasuk jururunding, anggota polis dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia serta Tentera Udara Diraja Malaysia.

-- BERNAMA

MAM NMO